




JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA, PETI SURAT 62,
75450 MELAKA



CEPAT, TEPAT, HEBAT

MEMO DALAMAN

Kepada : Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah
Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Alor Gajah
Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Jasin

Daripada : Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

Salinan Kepada : Pengarah Pelajaran Melaka
Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka

Tarikh : 06 Disember 2011

Ruj. Kami : JPM.SKPP.LAT.100 – 1/3/1 jld.1 (8)

**PERKARA : MAKLUMAT MENGENAI BIASISWA ANTARABANGSA
YAYASAN SIME DARBY DI NEGARA CHINA**

Tuan,

Dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Program Biasiswa Antarabangsa Yayasan Sime Darby (YSD) akan dilaksanakan selaras dengan keperluan perkembangan perniagaan Sime Darby serta perkembangan terkini hubungan dua hala di antara kerajaan Malaysia dan China dalam pendidikan tinggi, kebudayaan, pelancongan dan kewartawanan. Program ini dapat memberi peluang kepada warganegara Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di Negara China dengan sokongan Yayasan Sime Darby.

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KU P Sekolah	
KU P Akademik	
KU P Kemanusiesan	
KU P Islam/Moral	
KU Pem. Bekalan	
KU Maklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk./Tadbiran	
No. Fail:	

E. Helmy Zarnal. 15/12

Sila maklumkan dan datangkan perunt PPT untuk makluman selanjutnya mengenai yang

3. Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat permohonan biasiswa ini adalah seperti di Lampiran A dan tarikh tutup permohonan pada 6 Januari 2012. Pihak jabatan memohon kerjasama dari pihak tuan untuk memaklum dan menyebarkan maklumat berkaitan dengan program ini ke sekolah-sekolah di bawah pentadbiran pihak tuan.

Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

Saya yang menurut perintah,



(ROZANA BINTI ISMAIL)

**Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka**

500 - H/2



YAYASAN

2 Disember 2011

Pengarah Pelajaran Melaka
Jabatan Pelajaran Melaka
Jalan Ietana
Bukit Beruang
75450 Melaka
Tel : 06-232 3776/7771/778/779
Faks : 06-232 0500



4702

Yayasan Sime Darby
(Company No. 61948/M)
T +602 2691 4122
F +602 2698 7468
W www.yayasansimedarby.com
19th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur
50320 Malaysia



Tuan/Puan,

MAKLUMAT MENGENAI PROGRAM BIASISWA ANTARABANGSA YAYASAN SIME DARBY DI NEGARA CHINA

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

Program Biasiswa Antarabangsa Yayasan Sime Darby (YSD) di negara China telah diluluskan oleh Majlis Tertinggi YSD untuk dilaksanakan. Program biasiswa seumpama ini ditawarkan selaras dengan keperluan perkembangan pemisagaan Sime Darby di China serta perkembangan terkini hubungan dua hala diantara kerajaan Malaysia dan China dalam pendidikan tinggi, kebudayaan, pelancongan dan juga kewartawanan yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman bersama antara dua buah negara. Melalui program biasiswa seumpama ini, diharap dapat memenuhi keperluan tenaga kerja Sime Darby dan memperkayakan bakat-bakat yang sedia ada di negara China sendiri selain memberi peluang kepada warganegara Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di negara China dengan sokongan YSD.

Program biasiswa yang ditawarkan ini adalah untuk rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa serta fasih berbahasa mandarin dan berpotensi atau berminat untuk melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka di negara China. Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat permohonan biasiswa ini adalah seperti di Lampiran A.

Sehubungan itu, pihak YSD berharap pihak tuan dapat menyebarkan maklumat tersebut kepada pejabat-pejabat pelajaran daerah di Melaka untuk tindakan lanjut. Tarikh tutup permohonan adalah 6 Januari 2012.

Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi Pn. Intan Shuriena Jamaludin, Eksekutif YSD di talian 03-2711 0583 atau intan.shuriena.jamaludin@simedarby.com.

Sekian, terima kasih.

MUZDALIFAH MOHD NASIR
Pengurus Projek, Yayasan Sime Darby

mmn/rg/is


Lampiran

	PENGARAH	TIMBALAN PENGARAH
	KSPS	KSPA
	KSPPK	KSPK2P
	KSPSK	KSP
	KSPIM	KS JK
	KSMICT	KS PSK

Ku Latihan

PT3

Memo Dalaman
ke semua PPD



PROGRAM BIASISWA ANTARABANGSA YAYASAN SIME DARBY (YSD) - CHINA

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BIASISWA

Syarat-syarat kelayakan bagi calon-calon Program Biasiswa Antarabangsa Yayasan Sime Darby (YSD) - China adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak melebihi 21 tahun
- iii. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin
- iv. Memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan percubaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ATAU Program A-Level ATAU 'The Unified Examination Certificate' (UEC). Sila rujuk maklumat yang tertera di bawah untuk kelayakan minima akademik bagi STPM, A-Level dan UEC.
- v. Berjaya mendapat tawaran kemasukan untuk pengajian Ijazah sarjana muda di universiti-universiti terkemuka di China.
- vi. Bergiat aktif dalam bidang ko-kurikulum dan aktiviti kemasyarakatan.
- vii. Berkaliber dan pernah memegang jawatan kepimpinan di sekolah atau badan-badan sosial.

2. KELAYAKAN MINIMA AKADEMIK

Universiti	Kelayakan Akademik		
	STPM	A-Level	Unified Examination Certificate (UEC)
Peking University	Mendapat keputusan sekurang-kurangnya '4A'	Mendapat keputusan sekurang-kurangnya '4A'	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya 14 mata untuk jumlah mata UEC, TERMASUK Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris, Matematik DAN 2 subjek yang berkaitan dengan jurusan yang dipohon. • Sekurang-kurangnya B4 untuk subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
Teinghua University			<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya 16 mata untuk jumlah mata UEC TERMASUK Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Lanjutan 2, Fizik, DAN salah satu subjek pilihan samada Kimia, Biologi, Komputer dan Teknologi Maklumat ATAU Matematik Lanjutan 1. • Sekurang-kurangnya B4 untuk subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
Zhejiang University			<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya 16 mata untuk jumlah mata UEC, TERMASUK Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris, Matematik DAN 2 subjek yang berkaitan dengan jurusan yang dipohon. • Sekurang-kurangnya B4 untuk subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
Universiti-universiti lain			<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya 20 mata untuk jumlah mata UEC, TERMASUK Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris, Matematik DAN 2 subjek yang berkaitan dengan jurusan yang dipohon. • Sekurang-kurangnya B4 untuk subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

LAMPIRAN A

PROGRAM BIASISWA ANTARABANGSA YAYASAN SIME DARBY (YSD) - CHINA

3. KURSUS-KURSUS TAJAAN YAYASAN SIME DARBY (YSD)

Kursus-kursus di bawah penajaan YSD adalah seperti berikut, bergantung kepada tawaran kemasukan universiti:

- a) Jurusan Sains Sosial (Ekonomi, Pengurusan, Perakaunan, Perdagangan)
- b) Jurusan Kejuruteraan (Mekanikal, Kimia, Struktur, Elektrikal)

4. SENARAI UNIVERSITI-UNIVERSITI TERKEMUKA DI CHINA

- a) Peking University
- b) Tsinghua University
- c) Zhejiang University
- d) Fudan University
- e) Nanjing University
- f) Shanghai Jiaotong University
- g) Wuhan University
- h) Renmin University of China
- i) Huazhong University of Science and Technology
- j) Sun Yat-sen University

5. PROSEDUR PEMILIHAN CALON

- 5.1 Pihak YSD akan menyenarai pendek calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kelayakan biasiswa.
- 5.2 Calon-calon yang disenarai pendek perlu melalui proses saringan awal anjuran pihak YSD.
- 5.3 Calon-calon yang berjaya dalam proses saringan awal hendaklah menduduki ujian ujian berikut berdasarkan kepada syarat-syarat kemasukan universiti di China:

LAMPIRAN A

PROGRAM BIASISWA ANTARABANGSA YAYASAN SIME DARBY (YSD) - CHINA

Kelayakan Akademik	Ujian Kemasukan Universiti	Ujian "Hanyu Shuiping Kaoshi"(HSK)
STPM dan A-Level	<ul style="list-style-type: none">• Pengambilan ujian ini adalah WAJIB bagi calon-calon lulusan STPM dan A-Level	<ul style="list-style-type: none">• Pengambilan ujian ini adalah WAJIB bagi calon-calon lulusan STPM dan A-Level.• Ia menguji kemahiran lisan dan menulis dalam bahasa Mandarin.
Unified Examination Certificate (UEC)	<ul style="list-style-type: none">• Pengambilan ujian ini bergantung kepada keperluan, dari pihak universiti.	<ul style="list-style-type: none">• Pengambilan ujian ini adalah TIDAK PERLU bagi calon-calon lulusan UEC.

- 5.4 Calon-calon perlu lulus dalam sesi temuduga bersama pihak Universiti (mengikut keperluan universiti).
- 5.5 Hanya calon-calon yang berjaya melepasi ujian kemasukan universiti dan /atau ujian HSK sahaja yang akan dipanggil untuk proses saringan YSD yang seterusnya.

6 PENAJAAN BIASISWA YAYASAN SIME DARBY (YSD)

Penajaan biasiswa penuh ini termasuk yuran pengajian universiti, elaun sara hidup (termasuk makan dan penginapan), elaun komputer, elaun tamat pengajian, dan tiket penerbangan di awal serta tamat pengajian.

Penerima biasiswa berpeluang menyertai program pembangunan mahasiswa dan latihan industri di pelbagai syarikat dalam Kumpulan Sime Darby semasa tempoh pengajian.

7 TERMA DAN SYARAT PENAJAAN BIASISWA

Penerima biasiswa perlu berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby selepas tamat pengajian. Tempoh perkhidmatan adalah selama empat (4) hingga enam (6) tahun bergantung kepada kos penajaan biasiswa sepanjang tempoh pengajian.

8 PERMOHANAN

Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terdekat ATAU boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Yayasan Sime Darby (YSD) www.yayasansimedarby.com.



YAYASAN

Yayasan Sime Darby
(Company No. 89948-W)

T : +603 2691 4122

F : +603 2628 7468

W : www.yayasanimedarby.com

*9th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur
50088 Malaysia

FACSIMILE TRANSMISSION

To : Pengarah Pelajaran Melaka
Company : Jabatan Pelajaran Melaka
Cc :
Fax No : 06-2320500

From : Intan Shurlena Jamaludin
Subject : Program Blasiswa Antarabangsa Yayasan Sime Darby di Negara China
Date : 05.12.2011
No. of Pages (including this page): 3 pgs